

01/06/1998

Yahya matang, bersikap diplomasi

SEORANG pelajar yang tenang, matang dan tidak agresif. Demikian gambaran ringkas yang diberikan oleh Prof Madya Dr Mohd Safar Hasim terhadap anak didiknya, Mohd Yahya Mohamed Ariffin.

Di samping itu, menurutnya, Mohd Yahya juga adalah seorang pelajar yang mengamalkan sikap diplomasi, terutama dari segi menyusun tutur kata dalam perbualan mahupun perbincangan.

Walaupun sibuk dengan tugas sebagai Penolong Pendaftar Perhubungan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selain pelbagai aktiviti lain, beliau berkata, Mohd Yahya tetap memberikan komitmen tinggi terhadap pelajarannya.

"Beliau ternyata menunjukkan minat untuk mendalami ilmu dan memajukan diri, baik di dalam bidang pengajian mahupun kerjaya," katanya.

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 1947, Dr Mohd Safar berkelulusan ijazah Sarjana Muda (Komunikasi) dari Universiti Sains Malaysia, Sarjana (Komunikasi Massa) dari University of Minnesota di Amerika Syarikat, serta Doktor Falsafah (PhD) dari UKM.

Beliau bertugas di Jabatan Komunikasi UKM sejak 1982 selepas bekerja sebagai wartawan dan penyunting di Berita Nasional Malaysia (Bernama) selama 12 tahun dari 1969 sehingga 1982, termasuk pernah menjadi Ketua Biro Bernama di Manila.

Kini, beliau adalah Ketua Jabatan Komunikasi di Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan UKM. Antara kursus yang beliau ajar ialah Asas Pemberitaan dan Penyuntingan, Penulisan Pendapat, Penulisan Ekonomi dan Perdagangan, serta Undang-undang Dalam Komunikasi.

Selain itu, beliau turut menghasilkan pelbagai karya, termasuk buku berjudul Mahathir dan Akhbar, Akhbar dan Kuasa, serta Pengaliran Berita Antarabangsa di Malaysia.

Ketika ini, beliau menjalankan penyelidikan mengenai penggunaan Internet dan perdagangan elektronik.

(END)